

Najib berdialog dengan Orang Asli hari ini

KUANTAN, Selasa — Menteri Besar Datuk Najib Tun Razak dijadualkan menghadiri dialog dengan Orang Asli Bukit Serok, Pahang Tenggara, 160 kilometer dari sini esok untuk mencari penyelesaian berhubung dengan isu kawasan pembalakan di situ.

Dialog itu akan disertai oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Orang Asli, Jabatan Hutan dan lain-lain pegawai kerajaan.

Isu itu telah menarik

perhatian ramai apabila penduduk Orang Asli menyekat sebarang usaha mengangkut kayu-kayu balak dari situ atas alasan kawasan itu diwartakan di bawah perkampungan Orang Asli.

Mereka menuntut syarikat pembalakan di situ menyediakan kemudahan asas — jalan, api dan air — di Bukit Serok sebelum beratus-ratus tan balak yang berlonggok di situ dibenarkan diangkut keluar.

"Selagi tuntutan kami tidak dipenuhi, kami

tidak akan mengizinkan balak-balak itu dimuat keluar dari kawasan ini," kata penduduk Orang Asli di situ.

Pihak berkuasa dipercayai akan mencari jalan supaya satu penyelesaian yang sesuai dapat dicapai termasuk kemungkinan meminta syarikat pembalakan menyediakan kemudahan asas yang diminta oleh Orang-orang Asli itu.

Bagaimanapun, penyelesaian seperti itu mungkin menghadapi sedikit kesulitan kerana

syarikat pembalakan itu dikatakan agak keberatan memenuhi semua syarat yang diperlukan kerana "perbelanjaannya agak tinggi".

Orang-orang Asli yang menyekat pengangkutan balak itu sejak kira-kira sebulan lalu juga mendakwa kawasan itu adalah hutan dara dan bukan kawasan sudah kerja (KSK).

Dakwaan mereka itu telah menarik perhatian pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang telah mula menyiasat kedudukan sebenarnya.